

23 OCT 2002

Chong-Inggeris/I

LDP TIDAK IKUT SERTA BINCANG ISU BAHASA INGGERIS, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 23 Okt (Bernama) -- Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak akan terbabit dalam perbincangan lanjut bersama-sama parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili kaum Cina, mengenai cadangan kerajaan mengajar mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah mulai tahun depan.

Presiden parti itu Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata LDP parti yang mewakili kaum Cina Sabah, telah memutuskan untuk menyerahkan kepada kebijaksanaan kabinet persekutuan memutuskannya dan oleh itu, tidak perlu lagi parti itu terbabit dalam perbincangan lanjut mengenainya.

"Kita sudah nyatakan pendirian kita dengan jelas... menyerahkan kepada kabinet persekutuan," kata Chong kepada pemberita selepas mesyuarat kabinet negeri di sini.

Chong yang juga pengerusi BN Sabah diminta mengulas keputusan Majlis Tertinggi BN semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan parti-parti komponen BN telah mencapai kata sepakat mengenai isu itu.

Parti-parti komponen BN yang mewakili kaum Cina, bagaimanapun, meminta tempoh seminggu bagi membincangkan cadangan itu sesama mereka bagi mencari pendekatan terbaik untuk melaksanakannya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

Chong berkata: "Kita tidak akan turut serta dalam perbincangan itu... kita sudah menyampaikan pendirian parti yang menyerahkan kepada Kabinet dan kita akan menghormati keputusan yang dibuat."

-- BERNAMA

JS JK LAT